

Lelaki didakwa amang seksual fizikal anak tiri

MIRI: Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan yang juga merupakan anak tirinya.

Bagaimanapun, tertuduh yang berusia 24 tahun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Afidah Abdul Rahman.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap

Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun serta sebat, dan sebagai tambahan hukuman mengikut Seksyen 16 (1), tertuduh boleh dipenjarakan maksimum lima tahun dan sebat tidak kurang daripada dua kali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah melakukan serangan seksual secara fizikal terhadap mangsa yang berusia 11 tahun untuk

tujuan seksual.

Kesalahan dilakukan tertuduh sekitar tengah malam, antara 25 Februari sehingga 2 Mac lalu di sebuah rumah di Marudi.

Mahkamah kemudian menetapkan 1 Mei depan sebagai tarikh pengurusan kes dan tertuduh yang tidak ditawarkan jaminan diperintahkan supaya ditahan lanjut di Penjara Pusat Miri.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Luqman Hakim Sahrol Bahar, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.